

**Pengambilalihan EDL bukti Najib terima prinsip Buku Jingga
Malaysian Insider
31 Ogos, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 31 Ogos — PKR melihat tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengarahkan pengambilalihan Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL) di Johor Bahru membuktikan prinsip Buku Jingga diterima pakai oleh kerajaan Persekutuan.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli, menegaskan walaupun kepimpinan Umno dan Barisan Nasional (BN) sebelum ini mengkritik Buku Jingga kerana dikatakan akan memuflikan negara jika dilaksanakan, tindakan Najib itu membuktikan sebaliknya.

“Tindakan Najib mengarahkan pengambil alihan EDL sebenarnya mengesahkan bahawa prinsip asas tata kelola ekonomi yang dibawa Buku Jingga boleh dilaksanakan dan lebih bermanfaat kepada rakyat,” kata Rafizi (foto fail) dalam satu kenyataan hari ini.

“Walaubagaimanapun, saya khuatir jika pengambilalihan ini juga adalah satu helah supaya wang rakyat boleh diseludup keluar kepada syarikat-syarikat yang rapat dengan Umno BN, terutamanya apabila pemegang konsesi EDL adalah MRCB yang rapat dengan Umno.”

Sehubungan itu, Rafizi mengharapkan kerajaan dapat mendedahkan maklumat berkaitan, berkenaan nilai harga dan tidak melibatkan tokoh-tokoh lain yang boleh memastikan rakyat tidak ditipu dan tidak ada unsur-unsur penyelewengan.

Beliau juga menggesa Najib turut menyenaraikan lebuhraya dan konsesi lain yang boleh diambil alih kerajaan.

“Bila mana prinsip asas tata kelola ekonomi Buku Jingga diterima pakai Najib dalam pengambil alihan EDL, prinsip itu terbukti boleh dilaksanakan kepada konsesi lebuhraya yang lain.

“Saya sarankan beliau umumkan secepat mungkin senarai lebuhraya dan konsesi lain yang juga akan diambil alih oleh kerajaan dalam masa terdekat dan wujudkan Jawatankuasa Khas Parlimen (PSC) untuk mengkaji, menyemak dan memastikan kesemua urusan yang melibatkan pembelian aset besar dari syarikat berkepentingan dibuat secara adil dan tiada unsur penyelewengan,” tegasnya.

Rafizi juga menuntut agar kerajaan perlu bersifat pragmatik dalam model pembiayaan projek infrastruktur, dengan membandingkan bebanan kewangan yang ditanggung kerajaan secara keseluruhan (termasuk pampasan yang perlu dibayar setiap tahun) dengan jumlah keuntungan yang diperolehi oleh pemegang konsesi swasta.

Selain itu, beliau turut mencadangkan kerajaan perlu mengutamakan kebajikan pengguna termasuklah bebanan kepada perbelanjaan harian dalam menentukan perjanjian konsesi bagi projek infrastruktur.

“Secara amnya, adalah lebih baik jika rakyat tidak dikenakan bayaran jika kerajaan mampu menanggung kos pembinaan dan operasi, kerana ini akan meningkatkan pendapatan

bolehguna (disposable income) rakyat yang bila dibelanjakan kelak dan bakal merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

“Tiga prinsip asas inilah yang mendorong PKR dan rakan-rakan Pakatan Rakyat (PR) menetapkan pengambilalihan konsesi tol dengan matlamat menghapuskan tol sebagai salah satu daripada 10 program pertama yang akan dilaksanakan Pakatan Rakyat bila berkuasa kelak.

“Ini berasaskan fakta bahawa jumlah bebanan yang ditanggung oleh rakyat dan kerajaan (dalam bentuk tol yang dibayar dan pampasan tahunan kepada pemegang konsesi) adalah jauh lebih mahal daripada kos operasi dan kadar pulangan pelaburan munasabah (reasonable rate of return for investment) yang ditanggung oleh pemegang konsesi seperti PLUS,” tambahnya lagi.

Justeru, Rafizi berkata, bagi tujuan tersebut PKR akan membawa perkara ini ke sidang Parlimen akan datang untuk diberikan perhatian.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengambilalihan-edl-bukti-najib-terima-prinsip-buku-jingga/>